

## Penanaman limau kasturi perlu diperluaskan

SIJANGKANG - Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat (PPK) mengenal pasti projek penanaman buah limau kasturi sebagai tanaman yang mampu menjana pendapatan baharu.

Pengerusinya, Abdul Razak Khasbullah berkata, buat masa ini Unit Peladang Sijangkang melalui peladang muda, Erman Ahman, 38, mengusahakan 230 polibeg pokok limau nipis di Jalan Pusara, Kampung Sijangkang di atas tanah berkeluasan 0.4 hektar.

Menurutnya, beliau melihat keupayaan usahawan untuk menanam pokok limau nipis itu mudah diuruskan berbanding sayur-sayuran sekaligus menggalakkan usahawan muda aktif dalam aktiviti penanaman limau kasturi.

"Saya fikir sudah tiba masanya penanaman limau kasturi diperluaskan selain menyahut seruan kerajaan untuk mempelbagaikan tanaman.

"Penanaman limau kasturi ini juga dapat mem-

**INFO** • Penanaman buah itu juga sebagai menyahut seruan kerajaan dalam mempelbagaikan tanaman

bantu usahawan muda mempelbagaikan pemiagaan selain meningkatkan imej petani yang berpotensi menjana pendapatan lebih lumayan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Selain itu, penanaman limau kasturi yang baharu berusia lima bulan itu bakal dipasarkan ke Pertubuhan

Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat sebagai pendapatan usahawan.

Katanya, sekiranya lebih ramai lagi pengusaha tanaman limau kasturi tampil, ia bakal dijadikan platform membina sebuah lagi penanaman popular di daerah Kuala Langat selain tanaman rock melon, cili fertigasi dan halia yang sudah mendapat sambutan.

Katanya, beliau yakin ramai lagi pengusaha tanaman mahu mempelbagaikan projek tanaman mereka sekaligus membina satu empayar pemiagaan pertanian yang lebih mantap.



Tanaman limau kasturi yang sedang diusahakan oleh Unit Peladang Sijangkang melalui peladang mudanya, Erman Ahman.

## Guru perlu berusaha lebih tingkat GPS

BANTING - Angkatan Muda Keadilan (AMK) Kuala Langat berpendapat pengasingan murid di sekolah masih mempunyai kebaikan dan kelemahannya.

Naib Ketua AMK Kuala Langat, Mohd Afiq Tuniman berkata, dari sudut pandang seorang murid, mereka akan terkesan kerana kurangnya daya saing untuk memiliki tempat di kelas pertama.

"Ada yang berpendapat, pengelasan murid-murid yang dipraktikkan sekian lama adalah bertujuan mengenal pasti tahap murid-murid yang pandai, sederhana dan lemah. Jadi pendekatan guru semasa mengajar di kelas berbeza pada setiap kelas.

"Bagi kelas yang pandai, cikgu akan mengajar lebih pantas sesuai dengan pemahaman murid-murid di dalam kelas tersebut. Jadi pendekatan guru di kelas yang sederhana dan lemah juga berbeza dengan memberikan lebih usaha kepada murid-murid tersebut," katanya ketika mengulas mengenai arahan pengasingan kelas yang diarahkan Kementerian bermula tahun hadapan.

Beliau yang juga Ahli Majlis Daerah



MOHD AFIQ

Kuala Langat (MDKL) berkata, mungkin ada benarnya, murid-murid lemah akan lebih bersaing dengan murid yang pandai jika tiada pengelasan atau mereka semakin tenggelam apabila mereka tidak dapat memahami apa yang diajar oleh guru akibat pendekatan yang sama diajar kepada mereka.

"Bagi saya dengan menghapuskan pengasingan kelas ini, semua guru di semua kelas perlu berusaha lebih bagi meningkatkan dan mengekalkan Gred Purata Sekolah (GPS) yang menjadi petunjuk prestasi utama (KPI)," katanya.

Selain itu, sistem itu juga dapat diselaras dengan PPSR yang akan menggantikan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) bermula 2018.

"Tiada lagi murid yang aktif sukan akan ketinggalan akademik dan duduk di bangku kelas terakhir atau murid yang cemerlang akademik tetapi tidak pernah menyertai mana-mana sukan.

"Jadi bagi saya... menghapuskan sistem pengasingan kelas ini memberi peluang kepada murid-murid melitabatkan diri dan aktif dalam semua bidang," katanya kepada *Sinar Harian*.

# Perkasa perkembangan akademik

Pemimpin muda sambut baik usaha KPM arah tiada pengasingan kelas mengikut akademik tahun depan

KUALA LANGAT - Usaha pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengarahkan tiada lagi pengasingan kelas mengikut akademik pada tahun hadapan disambut baik beberapa pemimpin muda Kuala Langat.

Ketua Pemuda Umno Bahagian Kuala Langat, Jefrizal Mohd Jaafar berkata, pihaknya terima baik supaya tidak ada pengasingan kelas mengikut tahap akademik seperti yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah, Datu Dr Amin Seman kerana asas pendidikan hari ini adalah sama rata.

Namun, katanya, pada masa sama, KPM juga harus menggariskan pelan tindakan berdurasi lama bermakna pelan tindakan tersebut hendaklah boleh dipakai bagi satu jangka masa yang panjang.

"Tetapi kita juga rasa bebanan menjaga KPI yang dipikul guru terutama pentadbir sekolah.

"Masyarakat terutama ibu bapa pun perlu diberi kesedaran bahawa pembaharuan holistik dalam pendidikan yang cuba dibawa oleh negara adalah bersifat jangka panjang. Kecenderungan untuk menyalahkan pihak guru dan sekolah perlu dihentikan jika peratusan KPI sekolah tidak begitu membanggakan," katanya.

Jefrizal berpendapat, arahan KPM untuk tidak mengeluarkan peratusan keputusan UPSR serta PT3 baru-baru ini juga adalah tepat dengan langkah menghentikan pengasingan kelas mengikut akademik.

Bagi Ketua Pemuda Amanah Kuala Langat, Mohd Syaizi Mahmud berkata, fenomena pengasingan kelas ini terjadi akibat pihak KPM dan sekolah mengejar pencapaian akademik mengikut Gred Purata Sekolah (GPS) yang menjadi KPI KPM sedang-



JEFRIZAL

kan itu bukan dasar pendidikan negara.

Katanya, dengan perkembangan terbaru iaitu Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR) yang tidak menekankan GPS lagi merupakan satu perkembangan yang positif.

"Tanpa pengasingan kelas bukan sahaja baik untuk perkembangan akademik, jasmani dan rohani pelajar tetapi juga baik kepada golongan



MOHD SYAZLI

pendidik yang mana gurunya tidak lagi mengajar kelas lemah, tidak berdepan dengan kurangnya motivasi apabila wujud pilihan kasih bagi guru yang mengajar kelas lemah dan kelas baik. Selain dapat mengurangkan stres guru yang mengajar kelas lemah.

"Ia juga bagi memberi ruang guru untuk mendidik dengan lebih kreatif dan bersemangat. Bagi saya, sistem



MOHD HANIF

pendidikan negara perlu ditambah baik bagi memberikan kemajuan buat guru dan pelajar agar ia tidak dilihat menjadi bahan uji kaji," katanya.

Sementara itu, Ketua Pemuda Pas Kuala Langat, Mohd Hanif Jamaludin pula berkata, hasrat KPM untuk melahirkan pendidikan secara holistik harus disokong namun arahan henti asing murid mengikut tahap aka-

demik diharapkan telah dibuat kajian menyeluruh meskipun dengan pelaksanaan Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR).

Katanya, ini kerana ada pihak bersetuju dan tidak bersetuju terhadap arahan tersebut terutama dari kalangan guru malah pengasingan murid mengikut tahap akademik murid telah lama menjadi amalan bagi memudahkan proses pembelajaran.

"Ia dilihat baik selaras dengan hasrat KPM untuk tidak menekankan peperiksaan semata-mata, bagaimanapun, kejayaan murid tidak hanya dinilai pada aspek kejayaan akademik sahaja tetapi juga pada aspek sahsiah dan kokurikulum.

"Murid yang kurang pada aspek akademik namun cemerlang pada aspek sahsiah dan kurikulum harus diberikan merit yang sama," katanya.